Pendakwa Raya lwn Mohd Redzuan bin Saibon

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERBICARAAN-PERBICARAAN JENAYAH NO 45–51 TAHUN 2000, NO 45–53 TAHUN 2000 DAN NO 45–54 TAHUN 2000

AUGUSTINE PAUL H

31 OKTOBER 2001

Acara Jenayah *— Juvana — Penghukuman — Tahanan atas limpah perkenaan Yang Di-Pertuan Agong — Pemakaian s 16 Akta Mahkamah Juvana — Juvana disabit atas pertuduhan yang membawa hukuman mati mandatori — Sama ada mahkamah boleh menjatuhkan hukuman selain daripada yang diperuntukkan dalam s 16 — Akta Mahkamah Juvana 1947 s 16 — Kanun Acara Jenayah s 183*

Tertuduh menghadapi tiga pertuduhan berasingan mengedar dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta tersebut') yang membawa hukuman mati mandatori, jika didapati salah dan disabitkan dengan pertuduhan. Tertuduh berumur kurang daripada 18 tahun pada masa melakukan kesalahan-kesalahan sebagai mana pertuduhan. Tertuduh telah mengaku salah terhadap tuduhan kedua dan mahkamah mendapati tertuduh faham akan sifat dan akibat pengakuan salahnya. Pihak pendakwaan memohon agar tuduhan pertama dan tuduhan ketiga diambil pertimbangan di dalam menjatuhkan hukuman mengikut peruntukan s 171A Kanun Acara Jenayah ('KAJ'). Peguam tertuduh tiada membuat sebarang rayuan peringanan hukuman dan bergantung sepenuhnya kepada peruntukan s 16 Akta Mahkamah Juvana 1947 ('AMJ') yang antara lain memperuntukkan bahawa seseorang juvana tidak boleh dijatuhkan hukuman mati, jika pada hemat mahkamah pada masa kesalahan dilakukan ia adalah seorang juvana. Persoalannya adakah hukuman atau perintah lain selain daripada perintah di bawah s 16 AMJ boleh dibuat oleh mahkamah bagi pesalah juvana yang menghadapi dan didapati bersalah atas tuduhan yang membawa hukuman mati mandatori.

Diputuskan, memerintahkan tertuduh ditahan atas limpah perkenan Yang di-Pertuan Agong:

Peruntukan undang-undang mengenai sesuatu hukuman yang perlu dijatuhkan adalah terikat dengan peruntukan s 183 KAJ. Maksud peruntukan seksyen ini adalah sesuatu hukuman mestilah mematuhi ruang lingkup seksyen yang menetapkan hukuman serta menurut prinsip-prinsip undang-undang yang sedia ada terpakai. Dari peruntukan s 16 AMJ, hanya ada satu perintah sahaja yang dapat dibuat oleh mahkamah iaitu memerintahkan tertuduh ditahan di bawah limpah perkenan Yang di-Pertuan Agong. Perintah di bawah s 16 AMJ ini merupakan suatu perintah mandatori yang dikhususkan bagi pesalah juvana yang telah didapati salah atas suatu

kesalahan yang membawa hukuman mati dan bukannya suatu hukuman maksimum yang boleh dijatuhkan dan terdapat hukuman lain yang lebih ringan yang boleh dijatuhkan kepada tertuduh (lihat ms 343G–H).

[English summary

The accused was charged with three separate charges of trafficking dangerous drugs under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act'), which carried the mandatory death sentence if found guilty and convicted of the charges. The accused was below 18 years of age when he committed the offences charged. The accused had pleaded guilty on the second charge and the court was satisfied that the accused understood the nature and consequences of his plea of guilt. The prosecution requested that the first and third charges be taken into account in the sentencing with respect to s 171A of the Criminal Procedure Code ('CPC'). The accused's counsel made no mitigation plea and relied entirely on the provisions of s 16 of the Juvenile Courts Act 1947 ('JCA'), which, inter alia, provided that a juvenile shall not be given the death sentence, if in the opinion of the court the accused was a juvenile when the offence was committed. The question was whether a different sentence or order from that of s 16 of the JCA could be passed by the court with regard to a juvenile offender who was charged and convicted of a charge that carried a mandatory death sentence.

Held, ordering that the accused be detained at His Majesty's pleasure:

The provisions of the law relating to a sentence must be read with s 183 of the CPC. This section provided that a sentence must comply with the ambit of the sentencing section as well as established principles of the law. Section 16 of the JCA provided only one order that may be made by the court, that is, to order that the accused be detained under His Majesty's pleasure. The order under s 16 of the JCA was a mandatory sentence, exclusively for juvenile offenders that were found guilty of an offence which carried the death sentence and was not the maximum sentence that may be carried out and other lesser sentences may be imposed on the accused (see p 343G–H).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai penghukuman seorang juvana, lihat 5 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 2119–2131.

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 37A(1), 39B(1)(a)
Akta Mahkamah Juvana 1947 s 16
Kanun Acara Jenayah s 171A

Rayuan daripada: Kes-kes Tangkapan No 84–72 tahun 2000, No 84–73 tahun 2000 dan No 84–74 tahun 2000 (Mahkamah Majistret, Kuala Lumpur)

Ahmad bin Bache (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.
Ghazali bin Nik Taib (*Noor Jihan Ghazali & Co*) bagi pihak tertuduh.

Augustine Paul H: Tertuduh, Mohd Redzuan bin Saibon, melalui kes-kes bernombor 45–51–2000 ('tuduhan pertama'), 45–53–2000 ('tuduhan kedua') dan 45–54–2000 ('tuduhan ketiga') menghadapi tiga pertuduhan berasingan mengedar dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta tersebut') yang membawa hukuman mati mandatori, jika didapati salah dan disabitkan dengan pertuduhan. Tuduhan pertama melibatkan 2,761.7g cannabis, dikatakan telah dilakukan pada jam 10.10 malam, 22 Ogos 2000 di hadapan kedai No 5, Jalan Haji Hashim dalam Daerah Dang Wangi, Kuala Lumpur. Sementara tuduhan kedua melibatkan 18,114.1g cannabis dan tuduhan ketiga melibatkan 15,106g cannabis yang masing-masingnya dikatakan telah dilakukan pada jam 10.55 malam, 22 Ogos 2000 dan jam 1.00 pagi, 23 Ogos 2000 di rumah No 67C, Jalan Raja Alang, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Tertuduh berumur kurang daripada 18 tahun pada masa melakukan kesalahan-kesalahan sebagaimana pertuduhan.

Pada 22 Ogos 2001, tertuduh telah mengaku salah terhadap tuduhan kedua dan mahkamah mendapati tertuduh faham akan sifat dan akibat pengakuan salahnya.

Fakta kes ('eksh P2') yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan menunjukkan secara ringkasnya seperti berikut. Pada 22 Februari 2000, pengadu, ASP Suhud bin Kasan bertindak atas maklumat bersama-sama sepasukan pegawai polis telah pergi ke hadapan sebuah kedai di No 5, Jalan Haji Hashim, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Pada lebih kurang jam 10.10 malam, pengadu bersama pasukannya melihat seorang lelaki Melayu menaiki motosikal bernombor pendaftaran WGR 9504 menuju ke arah tempat tersebut. Pengadu telah menghampiri lelaki Melayu tersebut dan menunjukkan kad kuasanya dan terus membaca amaran sebagaimana peruntukan s 37A(1) Akta tersebut dan menahan lelaki Melayu itu. Setelah dibuat pemeriksaan ditemui di dalam bakul motosikal yang dinaikinya oleh lelaki Melayu itu satu bungkusan beg plastik berwarna kuning dan berisi bahan tumbuhan disyaki dadah berbahaya. Lelaki Melayu tersebut adalah tertuduh dalam kes ini. Setelah disoalsiasat, tertuduh telah membawa pengadu dan pasukannya ke sebuah rumah bernombor 67C, Jalan Raja

Alang, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Di rumah itu, tertuduh telah membawa pengadu ke bahagian dapur rumah tersebut. Tertuduh telah menunjukkan kepada pengadu ke satu rak di atas depan pintu dapur. Daripada rak tersebut pengadu telah menurunkan satu guni yang di dalamnya terdapat 19 bungkusan slab tumbuhan kering yang juga disyaki dadah. Kesemua bahan tumbuhan yang disyaki dadah dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa. Hasil analisa oleh ahli kimia, En Cheong Meow Kioon terhadap 19 slab bahan tumbuhan tersebut yang menjadi subjek kepada tuduhan kedua mengesahkan di dalam laporannya bertarikh 23 Mei 2000 ('eksh P4') sebagai mengandungi 18,114.1g cannabis sebagaimana taksiran s 2 Akta tersebut. Semua 19 slab dadah tersebut dikemukakan dan ditanda sebagai eksh P3. Tertuduh mengaku faham akan fakta kes yang dibentangkan oleh pihak pendakwaan dan mengakui ianya adalah benar. Saya menerima pengakuan salah tertuduh dan seterusnya mendapati tertuduh bersalah.

Pihak pendakwaan memohon agar tuduhan pertama dan tuduhan ketiga diambil pertimbangan di dalam menjatuhkan hukuman mengikut peruntukan s 171A Kanun Acara Jenayah ('KAJ'). Tertuduh tiada bantahan terhadap permohonan pihak pendakwaan dan saya bersetuju untuk mengambil pertimbangan kedua-dua tuduhan tersebut dalam menjatuhkan hukuman. Memandangkan kepada kedudukan umur tertuduh, laporan akhlak dipanggil untuk dikemukakan ke mahkamah ini sebelum hukuman dapat dijatuhkan.

Pada 9 Oktober 2001, mahkamah bersidang semula dan En Bahari bin Baharon, Pegawai Kebajikan telah membentangkan laporannya dan ditanda sebagai eksh P5. Antara lain, eksh P5 menunjukkan bahawa tertuduh adalah anak sulung dari empat orang adik beradik dan ibubapanya berniaga menjual buah pisang. Tertuduh telah berhenti sekolah setakat tingkatan dua dan sejak itu tertuduh membantu ibubapanya di gerai mereka. Tertuduh dikatakan taat kepada orang tuanya, seorang yang berhemah dan tuduhan yang dihadapinya sekarang merupakan kesalahan pertama beliau. Secara keseluruhannya, eksh P5 memberi gambaran yang baik tentang latarbelakang tertuduh sebelum penglibatannya dengan kesalahan di hadapan mahkamah sekarang.

Peguam tertuduh tiada membuat sebarang rayuan peringanan hukuman dan bergantung sepenuhnya kepada peruntukan s 16 Akta Mahkamah Juvana 1947 ('Akta MJ') yang antara lain memperuntukkan bahawa seseorang juvana tidak boleh dijatuhkan dengan hukuman mati, jika pada hemat mahkamah pada masa kesalahan dilakukan itu adalah seorang juvana. Seksyen 16 Akta MJ berbunyi seperti berikut:

> Hukuman mati tidak boleh dijatuhkan atau direkodkan terhadap seseorang yang telah disabitkan atas suatu kesalahan jika pada hemat mahkamah pada masa kesalahan itu dilakukan orang itu adalah seorang juvana; tetapi sebagai gantinya *mahkamah hendaklah memerintahkan* supaya dia ditahan selama tempoh yang diperkenankan oleh Yang di-pertuan Agong jika kesalahan itu

A dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Labuan atau selama tempoh yang diperkenankan oleh Pihak Berkuasa Negeri jika kesalahan itu dilakukan di dalam semua Negeri dan jika mahkamah memerintahkan sedemikian, dia boleh, walau apa pun peruntukan yang lain dalam akta ini, ditahan di tempat dan di bawah apa-apa syarat sebagaimana diarahkan oleh Yang di-Pertuan Agong atau B Pihak Berkuasa Negeri itu, dan semasa ditahan sedemikian orang itu hendaklah disifatkan berada dalam jagaan yang sah undang-undang. (Penekanan ditambah.)

Seksyen 2 Akta MJ menakrifkan pengertian '*juvana*' seperti berikut:

C 'juvana' ertinya seseorang yang telah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah yang ditetapkan di bawah s 82 Kanun Keseksaan dan di bawah umur lapan belas tahun.

Dalam keadaan sepertimana kes di hadapan mahkamah sekarang ini, mahkamah semestinya menerimapakai peruntukan s 16 Akta MJ dan D memerintahkan tertuduh ditahan selama tempoh yang diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Selaras dengan itu, saya menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh sebagaimana dikehendaki oleh undang-undang.

Kini tertuduh terkilan dengan keputusan tersebut dan memfailkan E rayuan terhadap hukuman dengan harapan untuk memohon hukuman yang lebih ringan.

Persoalannya sekarang adakah ada hukuman atau perintah lain selain daripada perintah di bawah s 16 Akta MJ yang dapat dibuat oleh mahkamah bagi pesalah juvana yang menghadapi dan didapati bersalah atas tuduhan F yang membawa hukuman mati mandatori. Peruntukan undang-undang mengenai sesuatu hukuman yang perlu dijatuhkan adalah terikat dengan peruntukan s 183 KAJ yang berbunyi:

If the accused is convicted, the court shall pass sentence according to law.

G Maksud peruntukan seksyen yang dipetik di atas adalah sesuatu hukuman mestilah mematuhi ruang lingkup seksyen yang menetapkan hukuman serta menurut prinsip-prinsip undang-undang yang sedia ada terpakai. Adalah jelas dari peruntukan s 16 Akta MJ hanya ada satu perintah sahaja yang dapat dibuat oleh mahkamah iaitu memerintahkan tertuduh ditahan di bawah limpah perkenan Yang di-Pertuan Agong. Perintah di H bawah s 16 Akta MJ ini, pada penghakiman saya merupakan suatu perintah mandatori yang dikhususkan bagi pesalah juvana yang telah didapati salah atas suatu kesalahan yang membawa hukuman mati dan bukannya suatu hukuman maksimum yang boleh dijatuhkan dan terdapat hukuman lain yang lebih ringan boleh dijatuhkan kepada tertuduh.

I

Memandangkan kepada peruntukan undang-undang yang jelas, saya tidak mempunyai pilihan lain selain daripada membuat perintah mengikut

peruntukan s 16 Akta MJ. Oleh itu, tertuduh diperintahkan ditahan atas limpah perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Tertuduh diperintahkan ditahan atas limpah perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Dilaporkan oleh Ezatul Zuria Azhari